

16/09/2003

Telekom diminta segerakan pemberian diskaun

KUALA LUMPUR: Telekom Malaysia Bhd diminta melaksanakan segera pemberian diskaun kepada pengguna internet seperti diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Bajet 2004, Jumaat lalu.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, berkata pada lazimnya pelaksanaan diskaun itu dapat dilakukan segera selepas pengumuman bajet demi kepentingan dan faedah pengguna internet.

Beliau berkata, pemberian diskaun itu akan dapat menggalak serta meningkatkan penggunaan internet di seluruh negara.

"Kita ingin lihat pemberian diskaun itu dapat dilaksanakan secepat mungkin demi kepentingan pelanggan.

"Bagaimanapun, apa yang penting syarikat yang bertanggungjawab itu perlu melihat struktur operasi terlebih dulu sebelum melaksanakannya supaya perkhidmatan itu lebih cekap dan menguntungkan pengguna," katanya kepada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan tambah nilai prabayar Celcom di sini, semalam.

Moggie turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Celcom (Malaysia) Berhad dengan Pos Malaysia Berhad dan Empower Technologies Sdn Bhd, bagi menjayakan perkhidmatan tambah nilai prabayar menerusi 586 pejabat pos di seluruh negara.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Pos Malaysia, Datuk Annuar Maaruf, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Celcom, Datuk Ramli Abbas dan Pengarah Empower Technologies, Mohd Faizal Abdul Jabbar.

Moggie mengulas pengumuman Perdana Menteri bahawa Telekom Malaysia akan memberi diskaun 50 peratus bagi pakej perusahaan dan korporat, bermula dengan 30 peratus pada peringkat pertama dan 20 peratus lagi pada peringkat kedua.